

**UCAPAN  
YANG BERHORMAT  
PEHIN ORANG KAYA SERI UTAMA  
DATO SERI SETIA AWANG HAJI YAHYA BIN BEGAWAN MUDIM  
DATO PADUKA HAJI BAKAR  
MENTERI PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

***SEMPENA***

**MAJLIS RAMAH MESRA HARI RAYA AIDIL FITRI  
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA  
1433H/2012M**

***BERTEMPAT***

**DEWAN SEKOLAH MENENGAH SULTAN  
SHARIF ALI, KAMPONG SALAMBIGAR**

***PADA***

**HARI JUMAAT**

**20 SYAWAL 1433/ 7 SEPTEMBER 2012**

## **BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM**

Yang Mulia

Dayang Hajah Aidah Binti Haji Mohd Hanifah  
Pemangku Pengarah Pertanian Dan Agrimakanan  
selaku Pengerusi Majlis

Yang Mulia

Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja  
Dato Seri Utama (Dr) Haji Awg Mohd Jamil Al-Sufri  
Setiausaha Tetap  
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama

Yang Mulia

Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap  
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama

Yang Mulia

Ketua-Ketua Jabatan,  
Ketua-Ketua Pusat,  
Pegawai-pegawai Kanan,  
Pegawai dan kakitangan jabatan dan bahagian di bawah Kementerian  
Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama serta hadirin hadirat yang  
saya hormati sekalian

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasalam, keluarga serta para sahabat dan juga pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

## **ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA**

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan hidayahNya jua, kita semua sekali lagi dipertemukan di bulan kemenangan ini bagi meraikan Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidil Fitri Kementerian Perindustrian Dan Sumber-Sumber Utama pada tahun ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Adilfitri serta memohon maaf zahir dan batin kepada semua warga Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur kerana telah mengundang saya selaku Tetamu Kehormat di majlis yang berkebajikan pada petang ini.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

Menyentuh mengenai tema sambutan Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidil Fitri Kementerian Perindustrian Dan Sumber-Sumber Utama pada tahun ini iaitu ***Aidil Fitri Mengeratkan Lagi Ikatan Keluarga***, saya ingin mengaitkannya dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara pada 1 Mac 2012 yang lalu. Baginda telah menyentuh mengenai peranan penting institusi keluarga yang bahagia dan sempurna dalam menangani isu-isu sosial di Negara Brunei Darussalam dan ke arah mengwujudkan Negara 'Baladatun Tayyibatun Warrabbun Ghafur'. Dalam menandai titah baginda itu, peranan institusi keluarga bukan saja untuk keluarga dan sanak saudara kita sendiri, malahan ianya juga adalah sangat penting di dalam sesebuah organisasi. Justeru, kita sebagai warga Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ini adalah umpama sebuah keluarga yang besar yang seharusnya mempunyai sikap saling hormat-menghormati, bantu-membantu dan bertolak ansur di antara satu dengan yang lain. Dengan adanya majlis yang seumpama ini adalah diharapkan jalinan kekeluargaan akan dapat mengeratkan lagi melalui tali silaturrahim yang sedia terjalin di kalangan warga kerja di kementerian ini.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Di dalam kita sama-sama berusaha untuk meningkatkan produktiviti Kementerian ini, prestasi kerja semua pegawai dan kakitangan adalah sangat penting dalam menentukan maju mundurnya Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya. Sifat-sifat negatif seperti sikap acuh tidak acuh atau “malas ku ingau”, kurang bersemangat untuk memajukan diri sendiri serta organisasi dan bersikap pasif, kurang inovatif dan kreativiti atau sikap “menunggu arahan baru membuat”, tanpa mahu berusaha

sendiri adalah sebahagian dari faktor-faktor penyumbang kepada kurangnya produktiviti sesebuah kementerian atau jabatan. Sikap seperti ini perlulah dikikis dan diganti dengan sikap disiplin diri yang tinggi.

Tahap disiplin warga kerja sesebuah Kementerian atau Jabatan adalah salah satu elemen utama yang berkait rapat dengan kecemerlangan sesebuah Kementerian atau Jabatan itu sendiri. Pegawai dan kakitangan yang berdisiplin akan sentiasa berupaya menjalankan tugas masing-masing dengan cemerlang dan menjadi asas yang penting dalam usaha mengwujudkan pentadbiran yang telus, amanah dan cekap. Dalam hal ini, saya ingin menyeru kepada semua warga Kementerian ini agar meningkatkan lagi tahap disiplin dan mutu kerja masing-masing demi meningkatkan lagi produktiviti Jabatan masing-masing khususnya dan Kementerian ini amnya bagi mencapai kejayaan dan kecemerlangan yang dicita-citakan.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Buat akhirnya, di kesempatan ini juga, saya sukacita ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan selaku Jawatankuasa Penganjur Bersama Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidil Fitri Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bagi tahun 1433H/2012M serta semua yang terlibat bagi menjayakan sambutan pada tahun ini. Semoga Allah akan memberikan ganjaran dan pahala kepada biskita semua jua, lebih-lebih lagi dalam mengeratkan jalinan silaturrahim di antara warga Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Wabillahittaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.